

25/09/2002

Malaysia kaji guna euro ganti dolar AS

M Thillinadan

COPENHAGEN, Selasa - Malaysia sedia mengkaji penggunaan mata wang euro dalam perdagangan antarabangsa sebagai alternatif kepada dolar Amerika Syarikat (USD) jika euro dapat membuktikan keupayaannya menandingi USD.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pada masa ini Malaysia sedang memerhatikan pencapaian euro sama ada ia mampu menjadi mata wang antarabangsa untuk perdagangan.

"Ia mesti sampai ke peringkat di mana Amerika mengubah suai harga barangannya berdasarkan nilai euro. Euro sepatutnya memimpin USD dan ketika itu kita akan tukar kepada euro.

"Sebagai contoh, jika nilai petroleum dalam euro menurun, maka nilai dalam USD juga perlu menurun.

"Bagaimanapun, pada ketika ini kita belum yakin euro mencapai status mata wang perdagangan antarabangsa.

"Kita kena tunggu dan lihat pencapaiannya dulu," katanya pada sidang akhbar di akhir Mesyuarat Asia Eropah Keempat (Asem 4) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Denmark, Anders Fogh Rasmussen kelmarin bahawa pemimpin Asia yang menyertai Asem 4 menunjukkan minat terhadap euro sebagai alternatif kepada USD bagi perdagangan antarabangsa pada masa depan.

Dr Mahathir berkata, apabila euro mula diperkenalkan (pada 2000), Malaysia berpendapat ia akan lebih tinggi daripada USD tetapi sebut nilainya lebih rendah dan mula menunjukkan peningkatan sejak kebelakangan ini.

"Kita memerlukan alternatif kepada USD untuk perdagangan antarabangsa. Kerana itu kita sedang lihat sama ada peningkatan euro sekarang akan berterusan.

"Malaysia juga mungkin menambah rizab antarabangsanya dalam euro.

"Masalahnya, jika kita gunakan euro, ada kecenderungan untuk nilai sesuatu barang akan ditukar dulu kepada nilai USD dan kemudian ditukar semula kepada euro. Itu menunjukkan euro pada masa ini tidak dapat bertahan sendiri," katanya.

Sejak krisis ekonomi 1997, Malaysia mengkaji pelbagai cara untuk mengurangkan penggantungan kepada USD, termasuk cadangan menggunakan dinar emas dan penggunaan mata wang tempatan bagi perdagangan antara negara serantau seperti Thailand.

Mesyuarat Asem selama empat hari dihadiri ketua kerajaan dan pemimpin 25 negara Asia dan Eropah. Asem 5 akan diadakan di Hanoi, Vietnam pada 2004.

Ditanya sama ada beliau puas hati dengan pencapaian Asem 4, Dr Mahathir berkata, beliau mahu menukar pandangan awalnya kerana Asem 4 berjaya mencapai kejayaan di segi apa yang perlu dilakukan daripada hanya mengadakan perbincangan tanpa keputusan.

"Selepas mengadakan perbincangan secara positif, terbuka dan dalam suasana mesra, saya yakin Asem boleh melakukan sesuatu.

"Walaupun tidak boleh membuat keputusan besar seperti menghentikan serangan terhadap Iraq, kita mencapai kejayaan dalam aspek lain seperti pertukaran pelajar dan penubuhan pusat latihan untuk pembangunan sumber manusia," katanya.

Perdana Menteri ketika berada di London memberitahu wartawan beliau tidak yakin Asem boleh mencapai kejayaan besar untuk Malaysia.

Sementara itu, mengulas mengenai kejatuhan nilai saham bank di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) semalam yang dikaitkan dengan pengumuman beliau

ketika Bajet 2003 dan kerajaan mungkin menaikkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) jika bank enggan memberi pinjaman kepada syarikat, Dr Mahathir berkata:

"Lazimnya apabila ada sesuatu yang baru, reaksinya orang ramai akan menjual saham yang mengakibatkan kejatuhan dalam indeks pasaran saham. Bagaimanapun, mereka akan sedar apa yang saya kata adalah sesuatu yang baik untuk bank dan ekonomi negara."